



SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA 2022

TEMA: *Tingkatkan Langkah Untuk Penyusuan Susu Ibu*

1 - 7 OGOS 2022

PERUTUSAN

YANG BERTHORMAT DATO SERI SETIA DOKTOR HAJI MOHAMMAD ISHAM

BIN HAJI JAAFAR,

MENTERI KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Asas kehidupan yang terbaik bermula dengan penyusuan susu ibu. Melindungi, mempromosi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu adalah tindakan penting, bijak dan kos efektif yang terbukti boleh menjana generasi yang sihat, keluarga yang lebih kukuh dan pembangunan yang mampan.

Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia disambut pada setiap 1 - 7 Ogos untuk mengingatkan kepentingan nilai-nilai Penyusuan Susu Ibu sebagai suatu amalan yang optima dari aspek pemakanan, kesihatan dan perkembangan anak damit dan kanak-kanak kecil.

Tema sambutan pada tahun ini ialah: "***Tingkatkan Langkah Untuk Penyusuan Susu Ibu (Step-Up for Breastfeeding)***". Tema ini menggariskan hubungkait antara penyusuan susu ibu dan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*), 2030. Penyusuan susu ibu adalah kunci kepada strategi pembangunan mampan pasca pandemik kerana amalan ini memperbaiki status pemakanan, memastikan sekuriti makanan dan mengurangkan ketidaksamaan di kalangan penduduk. Amalan penyusuan susu ibu juga memainkan peranan penting dalam menangani beban berganda kekurangan zat makanan (*double burden of malnutrition*). Oleh itu, sistem sokongan penyusuan susu ibu yang terjejas disebabkan pandemik harus dipulihkan kepada tahap pra-pandemik demi mencapai sasaran pemakanan global pada tahun 2025.

Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia bagi tahun 2022 juga menumpukan kepada pengukuhan kapasiti para individu dan pihak-pihak berkepentingan terutamanya dalam melindungi, mempromosi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu kepada pelbagai lapisan masyarakat. Para individu dan pihak-pihak berkepentingan memainkan peranan penting dalam membentuk rangkaian sokongan '*Warm Chain of Support*' untuk penyusuan susu ibu. Oleh yang demikian, cabaran-cabaran yang berkaitan dalam perihal melindungi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu pada beberapa peringkat iaitu nasional, sistem kesihatan, tempat kerja dan masyarakat perlu diteliti dan ditangani.

Disamping itu, tujuan sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia tahun ini adalah juga untuk mengingatkan kita bahawa melindungi amalan penyusuan susu ibu adalah tanggungjawab bersama. Tiba masanya untuk kita semua memaklumkan, melibatkan, menetapkan dan menggerakkan tindakan-tindakan bagi melindungi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu yang akan memastikan kelangsungan hidup, status kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta keluarga mereka terjamin. Perkara ini adalah kunci bagi mencapai sasaran-sasaran yang telah dikenalpasti di dalam Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Bagi Negara Brunei Darussalam, sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada tahun ini akan menumpukan kepada aktiviti mempromosi amalan penyusuan susu ibu termasuk melalui media massa, media cetak dan media sosial, di samping aktiviti pembelajaran berterusan bagi pihak-pihak yang terlibat. Ini adalah bertujuan untuk memperkasa dan memperkukuhkan kapasiti pihak-pihak berkepentingan termasuk pihak kerajaan, sistem kesihatan, tempat kerja dan komuniti dalam menyediakan dan mengekalkan persekitaran yang mesra untuk amalan penyusuan susu ibu di alam pasca pandemik.

Daripada pemantauan berterusan yang dijalankan, kadar penyusuan susu ibu di Negara kita Brunei Darussalam telah terjejas dari sasaran 50% penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan pertama umur anak damit disebabkan oleh pandemik COVID-19. Kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif telah menurun dari 47% pada tahun 2019 ke 43% pada tahun 2020 dan 45% pada tahun 2021. Salah satu punca penurunan ketara kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan ini bermungkinan besar adalah berkaitan

dengan pengurangan aktiviti aktiviti ceramah kesihatan dan penyusuan susu ibu di semua fasiliti kesihatan semasa negara sedang menangani pandemik COVID-19

Dalam pada itu, 10 sesi Bengkel Penyusuan Susu Ibu bagi bakal ibu bapa dari beberapa pusat kesihatan akan diungkayahkan sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu. Dengan adanya bengkel-bengkel ini, Kementerian Kesihatan berharap untuk mengenalpasti dan bekerjasama dengan bakal ibu bapa bagi memperkukuhkan dan mengembangluaskan tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk meningkatkan kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif termasuk langkah-langkah bagi mempengaruhi persekitaran yang boleh mempermudah penyusuan secara eksklusif sejak lahir sehingga enam bulan dan meneruskan penyusuan sehingga dua tahun. Pada masa ini, tidak semua tempat kerja dan tempat awam menyediakan bilik atau kemudahan penyusuan susu ibu untuk menyokong kaum ibu untuk terus menyusukan anak damit mereka disamping untuk menjaga kebajikan dan memberikan kemudahan bagi ibu yang bekerja. Bagi menyokong penyusuan susu ibu eksklusif, adalah disarankan bagi majikan dan pemilik tempat awam untuk menyediakan kemudahan bagi penyusuan susu ibu yang privasi, selesa, selamat dan bersih.

Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang membudayakan amalan penyusuan susu ibu sebagai satu amalan yang digalakkan, disokong, dilindungi dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat. Sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2022 ini, marilah kita bersatu, bergerak bersama dan membuktikan bagaimana kita boleh mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 dengan melindungi, mempromosi dan menyokong amalan Penyusuan Susu Ibu.

Disediakan oleh:

Sekretariat *Taskforce* Pemakanan Ibu, Anak Damit dan Kanak-Kanak Kecil (MIYCN Taskforce), Kementerian Kesihatan

3 Ogos 2022